

12 DEC 2000

Ling-Sri Lanka

MALAYSIA TAWAR KEPAKARAN BINA LAPANGAN TERBANG SRI LANKA

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) --Malaysia telah menawarkan bantuan kepakaran kepada Sri Lanka bagi membantu negara itu memperluas dan meningkat taraf lapangan terbangnya, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata Sri Lanka gembira dengan tawaran itu dan telah bersetuju menghantar secepat mungkin sekumpulan jurutera dan pegawai teknikal ke Malaysia bagi berbincang dengan KL International Airports Berhad (KLIAB) iaitu sebuah syarikat perunding tempatan yang telah membina Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

"Ini adakah tawaran kita, kalau ada di mana-mana tempat kita dapat bekerjasama dengan mereka, kita akan menawarkan kebolehan dan kepakaran kita, khasnya dari segi KLIAB," katanya pada sidang media selepas dikunjungi Menteri Pembangunan Lapangan Terbang dan Penerbangan Sri Lanka Jeyaraj Fernandopulle di pejabatnya, di sini, hari ini.

Jeyaraj yang baru dilantik dua bulan lepas ke jawatan itu adalah dalam siri lawatan kerja ke Malaysia, Jepun dan beberapa negara lain di rantau ini bagi meninjau lapangan terbang di negara-negara berkenaan.

"Mereka akan melawat beberapa lapangan terbang lagi di Jepun dan beberapa negara di rantau ini," kata beliau.

Beliau berkata kerajaan yakin KLIAB berkemampuan untuk terbabit dalam pembinaan lapangan terbang di Sri Lanka kerana ia sebelum ini telah pun menunjukkan kebolehan untuk membina KLIA dan sebuah lapangan terbang lain di Bangkok, Thailand.

"KLIAB bukan sahaja mampu untuk plan, design dan build airports, malah ia juga mampu untuk membina jalan dan jambatan di dalam negara atau luar negara," katanya.

Ketika diitanya mengenai penjelasan panjang lebar oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam mengenai sebab-sebab kerajaan menolak tuntutan Suqiu, Dr Ling berkata: "Saya berpendapat Perdana Menteri telah menjelaskan perkara itu secara keseluruhan, jadi saya berharap semua pihak akan faham."

Dr Mahathir berkata sekiranya kesemua 83 tuntutan kumpulan pendesak terbabit dilayan, Malaysia tidak lagi akan aman serta tidak mungkin maju.

-- BERNAMA

NY NY FAZ